

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHUA TIAN CHANG @ TIAN CHUA
[BATU]**

TARIKH : SELASA, 28 OKTOBER 2014

RUJUKAN : L6 [PR-1323-L64697]

SOALAN :

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah rancangan kementerian untuk menyelesaikan masalah pampasan dan sewa perumahan PPR bagi penduduk Kg. Railway. Bilakah penduduk ini akan mendapat surat tawaran untuk membeli perumahan kos rendah yang akan dibina oleh Sentul Raya Sdn. Bhd. pada harga RM42, 000.00.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Batu, Isu perpindahan setinggan Kg.Railway telah selesai di mana penduduk yang layak telah diberi tawaran pembelian rumah kos rendah yang akan dibina dan saguhati perpindahan.

Mereka telah ditawarkan berpindah sementara di PPR Bukit Jalil sehingga projek rumah kos rendah siap dibina di tapak berkenaan. Surat tawaran berkenaan telah diberikan kepada penduduk pada 24 Jun 2013.